



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KENYATAAN MEDIA YB MENTERI PENGANGKUTAN

RASIONALISASI CAAM-MAVCOM BERKUAT KUASA HARI INI: PELANTIKAN YBHG. DATO' MOHAMED SHARIL TARMIZI SEBAGAI PENERGUSI CAAM

Putrajaya, 1 Ogos 2025 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) hari ini mengumumkan secara rasmi pelaksanaan penuh rasionalisasi antara Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Bermula hari ini, semua fungsi MAVCOM termasuk pengawalseliaan ekonomi kini dilaksanakan oleh CAAM. Ini menjadikan CAAM sebagai satu-satunya badan kawal selia penerbangan awam negara yang menyeluruh, merangkumi aspek teknikal, keselamatan dan ekonomi.

Langkah strategik ini membuka lembaran baharu kepada sektor penerbangan Malaysia ke arah sistem kawal selia yang lebih efisien, responsif, dan berpaksikan tadbir urus yang lebih baik, selaras dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik yang digariskan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization - ICAO).

Sempena pelaksanaan ini, MOT dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan **YBhg. Dato' Mohamed Sharil Tarmizi** sebagai **Pengerusi CAAM yang baharu**, berkuat kuasa serta-merta.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Dato' Sharil telah dilantik sebagai Anggota Pihak Berkuasa CAAM sejak 2021 dan kemudiannya menyandang jawatan Timbalan Pengerusi pada 2023. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor perundangan dan korporat dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor awam dan swasta.

Dato' Sharil pernah mengetuai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (2011), selain menjadi antara pasukan pengasas organisasi tersebut. Kepakaran beliau dalam kawal selia pelbagai sector termasuk telekomunikasi, internet, media dan pos – diyakini dapat memperkukuh CAAM dalam fasa transformasi baharu ini.

MOT percaya bahawa dengan latar belakang kepimpinan dan pengalaman luas Dato' Sharil dalam sektor kawal selia dan korporat, beliau mampu menerajui CAAM ke tahap yang lebih tinggi, terutama dalam fasa baharu ini di mana CAAM telah beralih sebagai entiti **Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Bebas (BBDSB)**.

Sebagai entiti BBDSB, CAAM kini mempunyai autonomi dan fleksibiliti dalam merancang strategi kewangan serta pengurusan sumber manusia, termasuk dalam menawarkan struktur emolumen yang lebih kompetitif.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, semua warga kerja CAAM akan menerima penambahbaikan pakej emolumen sejajar dengan struktur gaji baharu yang setara dengan industri. Ini merupakan langkah penting untuk menarik dan mengekalkan bakat berkemahiran tinggi seperti Pegawai Teknikal Berkelayakan (Qualified Technical Personnel - QTP).





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Penyerapan Kakitangan MAVCOM

Sebagai sebahagian daripada rasionalisasi ini, semua kakitangan MAVCOM telah ditawarkan penempatan di CAAM. Sehingga 31 Julai 2025, sebanyak 93% kakitangan MAVCOM telah menerima tawaran tersebut. Ini merupakan satu isyarat jelas terhadap keyakinan mereka terhadap hala tuju baharu CAAM sebagai sebuah organisasi penerbangan yang lebih kukuh dan menyeluruh.

Pengukuhan Anggota Pihak Berkuasa CAAM

Bagi menyokong mandat CAAM yang diperluas, struktur Anggota Pihak Berkuasa CAAM turut diperkukuhkan. Selain anggota sedia ada, pelantikan tambahan akan dibuat, termasuk:

- Seorang wakil daripada Kementerian Ekonomi;
- Dua lagi ahli yang berpengalaman dalam bidang ekonomi, dasar persaingan, dan hak pengguna.

Langkah ini bertujuan memperkukuh keupayaan tadbir urus serta memperluas tanggungjawab CAAM dalam aspek pengawalseliaan ekonomi.

MOT yakin bahawa penyatuan fungsi kawal selia ini bukan sahaja menyelaraskan struktur institusi penerbangan negara, malah meningkatkan kecekapan operasi, daya saing industri, serta keupayaan CAAM untuk terus melonjak sebagai pengawal selia penerbangan bertaraf antarabangsa.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

1 OGOS 2025

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

